

# LAPORAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN 2012



Perpustakaan Sultanah  
Zanariah





**LAPORAN TAHUNAN 2012  
PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**@ PERPUSTAKAAN UTM 2012**

Diterbitkan oleh Perpustakaan UTM  
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru , Johor Darul Ta'zim

Hak cipta terpelihara. Tiada kandungan dalam penerbitan ini boleh disalin, disimpan dalam sistem penyimpanan, atau diedarkan dalam apa-apa bentuk atau cara, elektronik, mekanikal, termasuk salinan fotokopi, rakaman, imbasan dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis dari Perpustakaan.



## Kandungan

• <b>Perpustakaan Sekilas Pandang</b>	1	• Kemahiran Maklumat	34
• Visi, Misi, Moto dan Objektif Perpustakaan	2	• Kaedah Penyelidikan	35
• Objektif Kualiti dan Piagam Pelanggan	3	• Taklimat, Latihan & Demo Pangkalan Data	36
• Struktur Organisasi Perpustakaan	4	• Sesi Bertemu Pelanggan di Fakulti	36
• Pengurusan Perpustakaan	5	• Perpustakaan Fakulti dan IBD	36
• Teras Pencapaian Perpustakaan 2012	6	• Maklumat Penulisan, Citations dan Jurnal	
• Rangka Kerja Strategik 2012	7	Berimpak Tinggi	37
• Perutusan Ketua Pustakawan	8	• Dokumentasi Penerbitan Penyelidikan UTM	37
<b>Kejayaan dan Pencapaian</b>		<b>Pemupukan Budaya Ilmu</b>	
• Pengiktirafan		• Program Keilmuan	39
• Pencapaian UTM-IR	11		
• Peningkatan Rekod di Repozitori UTM	11		
• Akses UTM-IR	12	<b>Khidmat Komuniti dan Perhubungan Korporat</b>	
• Akreditasi & Audit	12	• Pembangunan Petunjuk Prestasi	
		Perpustakaan IPT Malaysia	41
<b>Pengurusan Kualiti</b>		• Kerjasama dengan PROTON	41
• Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan	14	• Literasi Maklumat dengan Kerjasama	
• Implementasi BS 11620: 2008	14	Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri	
• Peranan Special Interest Group	15	Johor	42
• Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)	15	• Kajian Kepuasan Pelanggan	43
• Amalan 5S	17	• Khidmat Masyarakat	44
• Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan		• Global Outreach Programme (GOP)	45
Pekerjaan	18	• Perkongsian Maklumat PERPUN	45
		• Parmeran	46
<b>Pembangunan dan Keupayaan Sumber</b>		• Hari Bertemu Pelanggan Universiti	47
<b>Manusia</b>		• Ruang CASIS di Perpustakaan UTM	
• Latihan dan Kursus	20	Kuala Lumpur	48
• Program Latihan Staf Melebihi 40	20		
Jam Setahun	20	<b>Inovasi</b>	
• Staf Cuti Belajar	20	• Aplikasi Android Melalui MyLIP	50
• Perjawatan	21	• EASY (Shelf Check System)	51
• Kajian Kepuasan Staf	21	• Pembangunan dan Penyelarasaran Portal	
• Pengiktirafan	22	Perpustakaan	52
• Kunjungan Pengurusan Atasan UTM	23		
• Aktiviti Sukan, Kebajikan dan Sosial		<b>Pengukuhkan Koleksi</b>	
Perpustakaan	24	• Peruntukan Pembelian Sumber	
		Perpustakaan	54
<b>Inisiatif Fokus Pelanggan</b>		• Stok dan Koleksi Monograf	54
• Penyerahan Bangunan Baru PRZS	26	• Jurnal dan Bahan Media Elektronik	55
• Perpindahan Perpustakaan ke Menara		• Koleksi Canselor UTM	55
Razak	26		
• Pengunjung Perpustakaan	27	<b>Pengurusan Teknologi</b>	
• Pinjaman dan Penggunaan Bahan	28	• Instalasi Server Baru (DMS)	57
• Interlibrary Loan	29	• SirsiDynix Enterprise Portal	58
• Perkhidmatan Runding Rujuk	30		
• Perjumpaan Bersama Perwakilan Pelajar	31	<b>Cabarani 2013</b>	
• Lawatan Akademik	31	• Maklumat dan Arkib UTM	59
<b>Sokongan Penyelidikan &amp; Pendidikan</b>		• Sokongan Penyelidikan	59
<b>Pengguna</b>		• Perhubungan dan Operasi	60
• Akses Kepada Pangkalan Data Atas		• Keberkesanan Kos	60
Talian Langganan UTM	33	• Kepuasan Pelanggan	61
		• Pembangunan Fizikal, Pengurusan	
		Prasarana dan Green Initiatives	62



## Senarai Jadual

- |          |  |
|----------|--|
| Jadual 1 | Perancangan Strategik Perpustakaan           |
| Jadual 2 | Perbandingan Penarafan UTM-IR Mengikut Tahun |
| Jadual 3 | Program Latihan Staf Melebihi 40 Jam Setahun |
| Jadual 4 | Penerima Anugerah Cemerlang 2012             |
| Jadual 5 | Penerima Anugerah Jasa Setia 2012            |
| Jadual 6 | Jumlah Keseluruhan Koleksi Canselor UTM      |



## Senarai Rajah

- |          |   |
|----------|---|
| Rajah 1  | Ranking Web of World Repositories UTM-IR                            |
| Rajah 2  | Perbandingan Akses UTM-IR Mengikut Tahun                            |
| Rajah 3  | Jumlah Staf Perpustakaan 2012                                       |
| Rajah 4  | Tahap Kepuasan Staf Perpustakaan                                    |
| Rajah 5  | Jumlah Pengunjung Perpustakaan 2012                                 |
| Rajah 6  | Prestasi Pinjaman dan Pengunjung Perpustakaan                       |
| Rajah 7  | Pinjaman dan Penggunaan Bahan Perpustakaan Mengikut Kategori Ahli   |
| Rajah 8  | Permohonan Interlibrary Loan Mengikut Kategori Pengguna             |
| Rajah 9  | Jumlah Keseluruhan Pemohonan ILL 2012                               |
| Rajah 10 | Perkhidmatan Runding Rujuk Bagi Tahun 2012                          |
| Rajah 11 | Jumlah Lawatan ke Perpustakaan Mengikut Kategori Pelawat            |
| Rajah 12 | Akses Pangkalan Data Atas Talian Langganan 2012                     |
| Rajah 13 | Kelas Kemahiran Asas Bagi Tahun 2012                                |
| Rajah 14 | Kelas Kemahiran Lanjutan Bagi Tahun 2012                            |
| Rajah 15 | Kelas UKQD 1211: Asas Pencarian Maklumat                            |
| Rajah 16 | Pendidikan Pengguna, Bengkel, Latihan dan Taklimat 2012             |
| Rajah 17 | Maklumat Penulisan, Citations dan Jurnal Berimpak Tinggi UTM        |
| Rajah 18 | Jumlah Penerbitan UTM 2012  |
| Rajah 19 | Prestasi Faktor Impak Penerbitan UTM 2012                           |
| Rajah 20 | Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Pengguna Bagi Tahun 2012 |
| Rajah 21 | Peruntukan Pembelian Sumber Perpustakaan 2012                       |
| Rajah 22 | Peruntukan Keseluruhan Perpustakaan 2012                            |
| Rajah 23 | Stok Perpustakaan 2012  |
| Rajah 24 | Stok Monograf 2012  |
| Rajah 25 | Peruntukan Pembelian Jurnal dan Bahan Media Elektronik              |



Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah melalui fasa perkembangan yang panjang dan telah memberi sumbangan besar kepada proses pembelajaran, pengajian serta penyelidikan kepada UTM khasnya dan negara amnya.

Kini, Perpustakaan UTM boleh berbangga kerana terletak di tengah-tengah kampus UTM Johor Bahru dan mempunyai beberapa cawangan termasuklah Perpustakaan UTM Kuala Lumpur, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Menara Kuala Lumpur, Institut Pembangunan Bioproduk (IBD) dan beberapa Perpustakaan Fakulti. Perpustakaan UTM juga menguruskan koleksi pusat sumber UTM SPACE (*School of Professional and Continuing Education*) di seluruh negara.

Dalam tempoh 40 tahun ini, Perpustakaan UTM telah menyaksikan perkembangan dan pembaharuan yang amat pesat selaras dengan kemajuan pendidikan tinggi di negara ini. Tanggungjawab yang digalas perpustakaan ini telah diurus dengan perancangan dan pelaksanaan yang mengambil kira keperluan semua pihak terutamanya pihak Universiti.

Dengan koleksi yang kukuh dalam bidang sains dan teknologi, Perpustakaan kini memainkan peranan penting sebagai pembekal dan penyebar maklumat untuk memenuhi keperluan masyarakat UTM dan sekitarnya.

Bermula sebagai Kolej Teknikal, perpustakaan hanya mempunyai koleksi 15,000 judul buku dan 80 tajuk jurnal. Sejak itu, pembangunan perpustakaan amat menggalakkan dengan pengembangan koleksi, ruang fizikal pelbagai jenis dan perkhidmatan. Sehingga kini koleksi perpustakaan telah mencapai hampir setengah juta yang merangkumi buku, jurnal, audio visual dan bahan-bahan komputer. Kebanyakan operasi dan perkhidmatan Perpustakaan dikendalikan oleh sistem berkomputer perpustakaan. Maklumat bagi koleksi perpustakaan boleh dicapai melalui katalog atas talian perpustakaan yang boleh dicapai di portal perpustakaan.

Perpustakaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dengan mengikuti perkembangan dalam teknologi maklumat untuk mencapai objektif menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik untuk penggunaanya.



## Visi

Perpustakaan sebagai pusat ilmu terulung dalam bidang sains dan teknologi.

## Misi

Menyumbang kepada peningkatan ilmu melalui penyediaan akses mudah, penyebaran dan perkongsian maklumat sains dan teknologi.

## Moto

*Information Excellence*

## Objektif Perpustakaan

1. Memberi perkhidmatan berdasarkan maklumat kepada pelanggan.
2. Mengurus maklumat yang menepati keperluan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan UTM.
3. Mempromosi perkhidmatan maklumat kepada masyarakat dalam dan luar UTM.
4. Memupuk budaya ilmu dan kecemerlangan minda di kalangan masyarakat dalam dan luar UTM.



## Objektif Kualiti

Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia memberi perkhidmatan kepada pelanggan berpandukan kepada perlunya kepuasan pelanggan dan pembaharuan berterusan yang boleh tercapai dengan mempastikan:

- i) Staf beretika, mahir dan profesional
- ii) Peruntukan dan penyediaan sumber mencukupi
- iii) Keselamatan sumber terpelihara
- iv) Proses kerja berkesan dan cekap
- v) Penggunaan teknologi di tahap intensif

Usaha mencapai kepuasan pelanggan dan penambahbaikan berterusan diterjemahkan kepada objektif kualiti yang disemak dari masa ke semasa seperti berikut :

- Mempertingkatkan pengurusan sumber ilmu dengan melengkapkan Koleksi Khas dan UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) sehingga tahun terkini
- Mengkatalog semua penulisan UTM sehingga tunggakan sifar
- Minimum 5% pendepositran rekod di UTM *Institutional Repository* (UTM-IR) bagi tahun semasa
- Memantau dan menganalisis penggunaan sumber elektronik dua kali setahun
- Memastikan penyelenggaraan perpustakaan digital dilaksanakan secara berterusan
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan melalui Kajian Kepuasan Pelanggan
- Mencapai 80% tahap kepuasan pelanggan bagi Program Pendidikan Pengguna
- Melaksanakan aktiviti sebaran dan perkongsian ilmu mengikut keperluan semasa
- Mengaudit pelaksanaan Standard People Practices sekurang-kurangnya 1 kali setahun.

Perancangan teratur dan analitik akan membawa Perpustakaan ke arah perkhidmatan yang melepas tahap ekspektasi pelanggan dan pihak-pihak tertentu yang berkepentingan kepada Perpustakaan. Oleh itu, sangatlah penting semua staf memahami, melaksana dan mengutamakan Polisi Kualiti Perpustakaan.




## Piagam Pelanggan

Menyedari pelanggan Perpustakaan memerlukan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki, staf Perpustakaan adalah komited kepada usaha dan pemberian berterusan yang dapat memenuhi kehendak pelanggan. Kami berjanji memberi perkhidmatan yang cemerlang serta bersedia melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan seperti berikut:

- Memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan peka kepada keperluan dan kepuasan pelanggan dengan:
  1. Memastikan semua permohonan untuk pembelian bahan dapat dipertanggungkan sebelum pertengahan bulan September bagi peralatan kecuali bahan bacaan setiap tahun
  2. Memastikan semua bahan diproses dengan segera supaya tunggakan sifar
  3. Membekalkan perkhidmatan maklumat terkini dengan terang, lengkap dan mengikut jangkamasa yang ditetapkan
  4. Menentukan setiap pangkalan data yang disediakan dapat diakses oleh pelanggan
  5. Memastikan pelanggan diberi layanan di Kaunter Sirkulasi dalam proses pemulangan bahan dalam masa 2.5 minit pada keadaan biasa.
- Mengamalkan sikap positif dan nilai-nilai murni dalam perkhidmatan.
- Melaksanakan langkah pembaharuan yang berterusan bagi mempertingkatkan perkhidmatan.
- Meningkatkan kemahiran dan kewibawaan staf melalui latihan.
- Memastikan persekitaran Perpustakaan selamat dan kondusif.



# Struktur Organisasi Perpustakaan



Perpustakaan mempunyai struktur organisasi yang berfokuskan pelanggan. Perpustakaan diketuai oleh seorang Ketua Pustakawan dibantu oleh dua orang Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan) dan Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan). Pengurusan perpustakaan meliputi Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru, Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Kuala Lumpur, Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan Menara Razak Kuala Lumpur, Perpustakaan Institut Pembangunan Bioproduk dan beberapa buah Perpustakaan Fakulti yang terdapat di seluruh kampus UTM.

Operasi Perpustakaan terbahagi kepada Jabatan Perancangan dan Pembangunan dan Jabatan Perkhidmatan, masing-masing diketuai oleh Timbalan Ketua Pustakawan. Setiap jabatan dibahagikan kepada bahagian, yang diketuai oleh Ketua Bahagian, dibantu oleh Pustakawan Kanan, diikuti oleh Pustakawan dan staf pelaksana. Jumlah keseluruhan staf sehingga Disember 2012 adalah seramai 192 orang.



## Pengurusan Perpustakaan



Barisan Hadapan Kiri ke kanan	Noraziah Sharuddin Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan)	Kamariah Nor Mohd Desa Ketua Pustakawan	Anuar Talib Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan)
Barisan Belakang Kiri ke kanan	Badariah Borham Ketua Bahagian Pemprosesan Teknikal	Junaidah Isnain Ketua Bahagian Perkhidmatan Lanjutan	Zafarina Dol Ketua Bahagian Perkhidmatan Maklumat
	Zaleha Atan Ketua Bahagian Pembangunan Sumber	Kamariah Mohd Jong Ketua Bahagian Reposisori	Nor Asikin Mohamad Ketua Bahagian Pembangunan Automasi
	Haslina Othman Ketua Bahagian Pengurusan Koleksi	Noraini Yahya Ketua Bahagian Sokongan Penyelidikan	Nik Masriza Zakaria Ketua Bahagian Perpustakaan UTM Kuala Lumpur



## Teras Pencapaian Perpustakaan 2012

Seiring dengan penganugerahan UTM sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2010, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia telah merangka perancangan strategik dan melaksanakan transformasi bagi membantu UTM untuk mencapai kecemerlangan di peringkat global.

Bagi mencapai tujuan tersebut, Perpustakaan mengekalkan usahanya untuk memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang melalui amalan sistem pengurusan berkualiti yang berterusan. Perpustakaan berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001:2008 sekali lagi setelah Audit Pemantauan (Surveillance Audit) oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada 16 hingga 17 Julai 2012.

Dari segi pencapaian, tiga fokus yang menjadi teras kepada Perancangan Strategik Perpustakaan bagi tahun 2012 adalah:

- Sistem penyampaian yang cemerlang menerusi 80% Indeks Kepuasan Pelanggan
- Kemudahan lengkap (state of the art) prasarana digital iaitu peningkatan sebanyak 12% koleksi Perpustakaan Digital
- Persekutuan kerja kondusif (Indeks Kepuasan Staf) sebanyak 80%

Objektif Strategik	Indeks Prestasi Utama	Pencapaian 2011	Pencapaian 2012
Sistem penyampaian yang cemerlang	Indeks kepuasan pelanggan	78%	72.82%
Kemudahan lengkap (state of the art) prasarana digital	Peratus meningkatkan pengisian Perpustakaan Digital	12%	12%
Persekutuan kerja kondusif (penyelidikan dan sosial)	Peratus Indeks Kepuasan Pekerja terhadap kampus	73%	80%





## Rangka Kerja Strategik Perpustakaan 2012

Dalam usaha menangani dan bertindak balas terhadap perubahan landskap globalisasi dan cabaran masa kini, Perpustakaan UTM bergerak berdasarkan satu rangka kerja yang tersusun dan sistematik. Ia bagi menterjemahkan misi, visi dan strategi kepada aktiviti-aktiviti kerja sehari-hari untuk menentukan halatuju masa depan perpustakaan.

Rangka Kerja Strategik ini bergerak mengikut kerangka tempoh masa pelaksanaan Transformasi UTM (2009-2013) dan penting sebagai panduan kepada seluruh warga Perpustakaan merancang dan melaksanakan pelbagai program berdasarkan rangka kerja strategik yang telah ditetapkan. Rangka Kerja Strategik ini bermula dari setiap individu dan diterjemahkan kepada setiap unit atau bahagian di Perpustakaan seterusnya kepada keseluruhan organisasi. Perpustakaan terus menggandakan usaha peningkatan potensi, kemahiran dan kompetensi warga Perpustakaan bagi melahirkan penjawat awam yang berilmu pengetahuan, kreatif dan inovatif.

- **Penambahbaikan**

Melalui rangka kerja strategik ini, perpustakaan dapat menghubungkan antara matlamat strategik dengan petunjuk-petunjuk prestasi utama (Keys performance indicators) bagi mengawal prestasi organisasi. Seterusnya dapat meningkatkan keupayaan pemimpin untuk mengukur, mengawal strategi secara berkesan bagi mencapai misi dan visi organisasi.

- **Inovasi**

Perpustakaan bergerak dengan berlandaskan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan masa, tenaga dan kos. Malah sesi percambahan idea sentiasa dilakukan untuk menerima maklumbalas.

- **Kualiti**

Perpustakaan merintis kegemilangan dengan mengorak langkah untuk berdepan dengan suasana yang mencabar dan memerlukan tindakan yang luar daripada kebiasaan. Inisiatif ini dapat menghasilkan ciri perpustakaan yang menggabungkan aspek produktiviti, kreativiti dan inovasi selari dengan kehendak penghasilan modal insan yang diperlukan negara. Perpustakaan turut bergerak dengan kerangka kerja yang menunjukkan keupayaan dalam persaingan dan peningkatan prestasi.

- **Promosi**

Perpustakaan turut menggiatkan aktiviti promosi secara dalaman dan luaran demi tanggungjawab bersama dalam mencapai matlamat organisasi.

- **Budaya Ilmu**

Perpustakaan sentiasa mengimbangkan organisasi dengan perkembangan persekitaran. Justeru, program pemupukan budaya ilmu secara berterusan akan sentiasa dititikberatkan demi melahirkan modal insan yang membudayakan ilmu sepanjang hayat.

- **Berfokus Pelanggan**

Perpustakaan akan menjadikan organisasi lebih berfokus pelanggan agar segala perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan dapat memberi manfaat kepada semua pelanggan perpustakaan di tahap yang memuaskan.





## Perutusan Ketua Pustakawan



Sepanjang tahun 2012 Perpustakaan terus mendukung usaha menjadikan UTM lebih cemerlang di dalam kegiatan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikannya. Justeru, jumlah koleksi perpustakaan sentiasa ditingkatkan dengan penumpuan kepada bahan-bahan rujukan terkini dan berimpak kepada para pengguna perpustakaan terutamanya para pelajar. Bagi tujuan ini, perpustakaan juga telah menjalin kerjasama yang erat dengan pensyarah di semua fakulti untuk memberikan cadangan judul bahan-bahan baru untuk perpustakaan.

Pada tahun 2012 juga Perpustakaan telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti yang bertujuan untuk menyedarkan pengguna Perpustakaan tentang pentingnya budaya membaca dalam kehidupan sehari-hari. Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan beberapa aktiviti seperti Program Bicara Karya, Program Perkongsian Ilmu, Kelas Kemahiran Perpustakaan dan program pendidikan pengguna. Selain itu, bagi meningkatkan mutu kerja dan profesion staf profesional dan pelaksana Perpustakaan, pelbagai kursus dan bengkel berkaitan bidang tugas telah diadakan agar pengetahuan dan kemahiran dapat ditingkatkan supaya tugas sehari-hari dapat dijalankan dengan lebih efisien, cekap, sistematik dan teratur.


Inisiatif Perpustakaan mendekati pengguna melalui Program Khidmat Komuniti juga telah diadakan pada tahun 2012. Program seperti Kempen Derma Darah dan lawatan ke rumah anak-anak yatim telah mendapat sambutan dan kerjasama yang amat menggalakkan kerana selain dapat meningkatkan kesedaran pengguna terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan, ianya juga merupakan satu medium yang berkesan untuk menjalin kerjasama dengan masyarakat. Di samping itu juga program sebegini dapat memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat setempat dan luar bandar.

Akhirkata, sebagai salah satu entiti yang mendokong wawasan dan misi Universiti ini untuk menjadi sebuah Universiti Penyelidikan, perpustakaan UTM akan sentiasa memberikan perkhidmatan berkualiti dan terbaik kepada semua pengguna dan ahlinya.


Laporan Tahunan Perpustakaan ini diharap dapat menggambarkan peranan, fungsi dan pencapaian Perpustakaan UTM secara keseluruhannya bagi tahun 2012.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**Pn. Hajjah Kamariah Nor Mohd Desa  
Ketua Pustakawan**



# Kejayaan dan Pencapaian



# Pengiktirafan






## Pencapaian UTM-IR

Penarafan UTM-IR pada keseluruhannya dalam *Ranking Web of World Repositories* pada tahun 2012 adalah di tempat pertama antara *Institutional Repositories (IR)* di Malaysia. Pada Julai 2012, penarafan UTM-IR bagi kategori *Top Institutional*s adalah berada pada tangga ke-49. Manakala bagi kategori *Top Repositories*, kedudukan UTM-IR pada Julai 2012 adalah di tangga ke 72.

Secara keseluruhannya, bagi tahun 2012 UTM-IR kekal sebagai satu-satunya *Institutional Repository* dari Malaysia yang berada di kedudukan 100 teratas dalam ranking *Web of World Repositories*.



Rajah 1: Kedudukan UTM-IR di Ranking Web of World Repositories

Kategori	Tahun			
	2011		2012	
	Januari	Julai	Januari	Julai
<b>Top Repositories</b>	61	46	61	72
<b>Top Institutional</b> s	48	37	49	55

Jadual 2: Perbandingan Penarafan UTM-IR Mengikut Tahun



## Peningkatan Rekod di Repositori UTM

Sistem e-Repositori UTM telah dibangunkan bagi mengumpul hasil penerbitan warga UTM setiap tahun mulai 2007. Pada tahun 2012, Perpustakaan telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan dengan jumlah sebanyak 6,822 rekod iaitu peningkatan sebanyak 113.7% rekod berbanding 2011 menjadikan jumlah besar iaitu sebanyak 25,064 rekod.

Pada Julai 2012 juga, UTM-IR telah mencatat kelebihan dalam nilai bilangan *rich files* dan kesarjanaan (*Scholar*) yang tinggi iaitu di kedudukan ke-50 dan ke-51. *Rich files* merujuk kepada jumlah kandungan bahan dalam format PDF manakala *Scholar* merujuk jumlah artikel ilmiah yang telah diterbitkan dengan keutamaan antara tahun 2007-2011 melalui carian oleh Google Scholar.




Pencapaian UTM-IR

## Akses UTM-IR

Sebanyak 9,087,062 akses kepada UTM-IR dicatat pada tahun 2012 yang menunjukkan peningkatan sebanyak 7.2% (3,310,856 akses) daripada tahun sebelumnya yang berjumlah 5,776,206. Jumlah keseluruhan akses kepada UTM-IR terus meningkat dari tahun 2007-2012 iaitu 14,863,268.

Rajah 2 menunjukkan perbandingan jumlah akses ke UTM-IR di mana terdapat peningkatan yang lebih baik dari tahun sebelumnya. Ini menunjukkan gambaran bahawa pengguna menggunakan sepenuhnya manfaat yang disediakan dalam UTM-IR untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan.




Rajah 2: Perbandingan Akses UTM-IR Untuk Jangkamasa 3 Tahun

## Akreditasi dan Audit

Perpustakaan telah menerima kunjungan juruaudit dan wakil dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang menjalankan Audit Prestasi Akademik Universiti dari 16 hingga 17 Julai 2012. Ketua Pustakawan, Pn. Kamariah Nor Mohd Desa telah memperkenalkan ahli-ahli jawatankuasa kepada pengurusan perpustakaan, diikuti dengan taklimat mengenai perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Maklum balas positif daripada audit ini amat menggalakkan dan secara tidak langsung merangsang perpustakaan untuk berada di landasan yang betul dalam mencapai kecemerlangan terutama dalam menyokong UTM sebagai sebuah Universiti Penyelidikan.





# Pengurusan Kualiti



## Sistem Pengurusan Kualiti Perpustakaan

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) berasaskan kepada MS ISO 9001:2008 terus dimantapkan oleh perpustakaan dalam tahun 2012. Pengurusan Kualiti Perpustakaan UTM adalah di bawah tanggungjawab Wakil Pengurusan dengan kerjasama semua Ketua Bahagian dan Urusetia Kualiti serta pemilik proses. Segala isu atau permasalahan berkaitan kualiti akan dibincangkan dalam Mesyuarat Semakan Pengurusan.

Perpustakaan UTM sentiasa berusaha memastikan agar perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti dan memenuhi keperluan pelanggan. Bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah konsisten, perpustakaan sentiasa membuat penambahan. Bagi tahun 2012, Perpustakaan UTM telah berjaya melepas Audit Pematuhan (Surveillance Audit). Auditor dari pihak SIRIM iaitu Puan Siti Rahmah Ahmad dari SIRIM QAS International Sdn Bhd telah melaksanakan Audit Pematuhan (Surveillance) di Perpustakaan UTM pada 16 hingga 17 Julai 2012.

Hasil dari komitmen dan dedikasi semua warga perpustakaan, perpustakaan telah berjaya melepas audit dengan beberapa peluang penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh pihak SIRIM untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan perpustakaan. Sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada seluruh warga Perpustakaan UTM yang sentiasa komited dalam melaksanakan tugas dan memastikan pensijilan MS ISO 9001:2008 terus dikekalkan.

Warga perpustakaan mempunyai semangat kerja berpasukan yang amat tinggi dan ini adalah faktor penting yang membawa kepada kejayaan Perpustakaan dalam beberapa pertandingan dan pengiktirafan di peringkat dalam dan luar UTM. Adalah diharap warga Perpustakaan UTM akan terus bersatu dan komited dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan perpustakaan.



## Implementasi BS 11620: 2008

Perpustakaan menyediakan petunjuk prestasi (KPI) mengikut piawaian BS ISO 11620: 2008 yang merupakan kaedah pengukuran yang dapat membantu organisasi dalam menilai tahap kemajuan sesuatu proses perkhidmatan yang diberikan. Dalam tahun 2012, elemen pengukuran yang digariskan dalam piawaian ini digunakan sepenuhnya oleh Perpustakaan dalam mengukur prestasi.





## Peranan Special Interest Group Petunjuk Prestasi Utama Perpustakaan di Malaysia

Perpustakaan UTM telah menerajui SIG KPI ini yang bertanggungjawab mewujudkan satu piawai petunjuk prestasi yang seragam agar boleh digunakan oleh semua perpustakaan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Perancangan pelaksanaan, pemantauan dan mesyuarat seringkali diadakan sepanjang tahun 2012 di mana setiap mesyuarat akan menentukan permasalahan berkaitan petunjuk prestasi yang dirancang.



## Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

Perpustakaan amat mementingkan semangat kerja berpasukan dalam kalangan warganya. Bagi tujuan itu, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) perpustakaan iaitu Kumpulan 5K yang terdiri dari staf pelaksana perpustakaan telah menyertai pelbagai pertandingan dan kursus untuk membina idea kreatif dan inovatif ke arah kecemerlangan tugas sehari-hari sepanjang tahun 2012.



Bagi memastikan semua warga perpustakaan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan, pasukan 5K perpustakaan telah berjaya mencapai kejayaan yang amat membanggakan sepanjang tahun 2012. Berikut adalah kronologi penyertaan dan pencapaian Kumpulan 5K sepanjang tahun 2012:

- Anugerah Perak pada Konvensyen KIK Peringkat IPTA 2012
- Anugerah Emas pada Mini Konvensyen KIK Wilayah Selatan 2012
- Anugerah Penghargaan pada Konvensyen KIK Sektor Awam Negeri Johor 2012
- Anugerah Emas pada Konvensyen KIK Wilayah Selatan 2012
- Naib Johan pada Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia 2012
- Anugerah Pingat Emas 3 Bintang di Konvensyen KIK MPC Peringkat Kebangsaan 2012

Tajuk yang dibawa oleh kumpulan 5K Perpustakaan adalah masalah peningkatan aduan bahan yang tidak dapat dikesan di rak. Melalui masalah ini, kumpulan 5K telah mewujudkan sistem EASY (Shelf Check System) sebagai satu platform sumber carian maklumat yang lebih mudah dan pantas. Sesungguhnya kejayaan kumpulan KIK (5K) ini dalam setiap penyertaan dan pertandingan diharap dapat menjadi pemangkin dan perangsang kepada pewujudan kumpulan KIK yang lain di Perpustakaan agar dapat mencetuskan idea kreatif dan inovatif di masa hadapan.





## Amalan 5S

Amalan 5S yang menerapkan praktik Seiri, Seiton, Seison, Seiketsu dan Shitsuke atau Sisih, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal terus diterapkan agar semua staf perpustakaan menjaga kebersihan dan kekemasan di mana jua mereka berada. Sepanjang tahun 2012, Perpustakaan UTM mengorak langkah dengan mengamalkan program Amalan 5S secara lebih komprehensif dan tersusun.

Pelbagai aktiviti gotong royong diadakan bagi menjayakan Amalan 5S ini termasuk mewujudkan garis panduan keseragaman 5S, fail 5S, sudut 5S dan melantik staf bertanggungjawab bagi setiap zon. Sementara itu, Gotong-royong Perdana Perpustakaan UTM turut dilaksanakan sebagai sebahagian daripada aktiviti 5S. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Wahid Omar, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM. Dalam majlis ini juga pemilihan logo, poster dan slogan rasmi amalan 5S turut diumumkan.



Perpustakaan juga telah menjemput pegawai dari Perbadanan Produktiviti Malaysia Wilayah Selatan bagi memberi latihan mengenai 5S ini kepada staf perpustakaan. Program Amalan 5S ini telah membawa faedah dan kesan yang banyak kepada Perpustakaan antaranya membentuk kerja yang lebih tersusun, mudah mendapatkan fail, dan persekitaran yang bersih. Perpustakaan akan terus melaksanakan aktiviti yang diamanahkan sehingga perpustakaan berjaya mendapat pensijilan 5S.






## Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Perpustakaan UTM bertanggungjawab memastikan staf sentiasa berada dalam persekitaran kerja yang sihat dan selamat. Di samping itu, ia juga untuk memberikan pengetahuan kepada pegawai dan staf yang terlibat secara langsung dalam menguruskan persekitaran, keselamatan dan kesihatan serta untuk semua peringkat staf di sebuah organisasi bagi meningkatkan kesedaran dalam menguruskan persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja selaras dengan peruntukan Akta Persekutuan dan Keselamatan Pekerjaan.

Menyedari akan kepentingan ini, Audit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diadakan pada setiap tahun untuk memastikan penekanan kepada aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan diutamakan. Selain itu, Perpustakaan turut menjemput penceramah dari pihak OSHA UTM untuk memberi pendedahan kepada aspek-aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada staf perpustakaan.





# Pembangunan dan Keupayaan Sumber Manusia





## Latihan dan Kursus


Program latihan dan kursus atau pembangunan sumber manusia merupakan proses untuk meningkatkan potensi staf bagi membolehkan pelaksanaan tugas dengan lebih efektif. Setiap pegawai awam perlu melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang bersesuaian melalui program pembangunan sumber manusia yang terancang berteraskan kompetensi dan pembelajaran berterusan supaya mereka sentiasa meningkatkan keupayaan diri dan berdaya maju serta dapat memperkenalkan kualiti diri dan kerja yang cemerlang dari masa ke semasa. Justeru, sepanjang tahun 2012, Perpustakaan telah mengendalikan 34 kursus dalaman atau *in-house training* yang telah diadakan di dalam Perpustakaan dan kawasan sekitar UTM.

Di samping kursus yang dianjurkan secara dalaman, Perpustakaan juga menghantar staf untuk mengikuti kursus di luar UTM sama ada di dalam Johor atau di luar Johor. Melalui penglibatan dalam kursus luar ini juga akan merapatkan jalinan komunikasi dengan staf perpustakaan lain kerana kebanyakan mereka sering bertemu dalam kursus yang dianjurkan oleh Universiti atau syarikat korporat yang lain untuk bertukar pendapat.



## Program Latihan Staf Melebihi 40 Jam Setahun

Perpustakaan juga telah menetapkan sasaran objektif kualiti bagi latihan staf di mana 70% dari jumlah staf perlu mengikuti program latihan lebih dari 40 jam setahun. Mengikut statistik 2012, seramai 38 orang staf pengurusan dan 73 orang staf pelaksana telah berjaya menghadiri program latihan melebihi 40 jam setahun. Walaupun jumlah yang menyertai program latihan ini dilihat sedikit menurun pada tahun 2012 namun masih di tahap memuaskan.



Rajah 3: Program Latihan Staf Melebihi 40 jam setahun



## Staf Cuti Belajar

Bagi tahun 2012, Perpustakaan telah meluluskan dua orang staf iaitu Encik Mohd Fuad Mohamed Yusof dan Puan Haliza Zainal untuk bercuti belajar dan menyambung pengajian di peringkat Sarjana. Peluang ini telah direbut dan dipergunakan oleh kedua-dua staf ini untuk mengembangkan sayap pengetahuan ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

## Perjawatan

Keseluruhan jumlah staf pada tahun 2012 adalah seramai 192 orang. Jumlah ini juga adalah termasuk staf kontrak dan kenaikan pangkat secara 'Khas Untuk Penyandang' (KUP) bagi staf sokongan yang telah berkhidmat lebih 15 tahun dan telah memenuhi syarat yang ditetapkan.

Namun, bagi tahun 2012, tiada pertambahan jawatan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional. Walaubagaimanapun, pertambahan staf dijangka akan berlaku pada tahun 2013 memandangkan bangunan baru Perpustakaan Raja Zarith Sofiah akan mula beroperasi.


Sementara itu, seramai empat (4) orang staf lantikan baru (pelaksana) telah mula bertugas di Perpustakaan pada tahun 2012, manakala tiga (3) orang staf Perpustakaan pula telah menamatkan perkhidmatan di UTM.




## Kajian Kepuasan Staf

Kajian Kepuasan Staf dijalankan setiap tahun untuk melihat tahap kepuasan staf perpustakaan bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan.

Pada tahun 2012, terdapat peningkatan kepuasan staf kepada 85% jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya iaitu 73.25%. Hasil kajian ini juga membuktikan staf berpuas hati dengan penyeliaan, pengiktirafan, kemudahan, keselamatan dan fasiliti serta persekitaran kerja yang selesa.



Rajah 3: Jumlah staf perpustakaan 2012



Rajah 4: Tahap Kepuasan Staf Perpustakaan



## Pengiktirafan



Staf Perpustakaan iaitu Encik Azman Samsuri, Pembantu Perpustakaan Kanan, telah dianugerahkan Darjah Kebesaran PINGAT PANGKUAN NEGARA (P.P.N.) sempena Hari Keputeraan Seri Paduka DYMM Yang Dipertuan Agung XIV pada tahun 2012. Sementara itu, dua (2) orang staf Perpustakaan iaitu Cik Salina Shamshuri dan Puan Siti Nisrin Mohd Anis telah berjaya menyumbangkan idea terbaik dalam Bank Idea UTM.

Manakala dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu Majlis Citra Karisma yang telah diadakan di Dewan Sultan Iskandar pada 3 Julai 2012, seramai 14 orang staf Perpustakaan telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2012, seorang staf menerima Anugerah Jasa Bakti (En. Kellanah Awang) dan seramai sepuluh (10) orang staf telah menerima Anugerah Jasa Setia.

Nama	Jawatan / Gred
Zafarina Dol	Pustakawan Kanan, S44
Sarasyima Md Salleh	Pustakawan, S41
Nabilah Jamil	Pustakawan, S41
Dzulhelmi Mohd Razali	Penolong Pendaftar, N41
Abu Hashim Alwi	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Mohd Hanaffi Mohd Noor	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Mohd Puat Zachariah	Juruteknik Kanan, J22
Mohd Azalan Mohd Lazim	Pembantu Perpustakaan, S17
Siti Norlela Isnin	Pembantu Perpustakaan, S17
Zul Izuan Hanafiah	Pembantu Perpustakaan, S17
Salamiah Hassan	Pembantu Perpustakaan, S17
Nor Azhar Nasrudin	Pembantu Perpustakaan, S17
Norfarhana Dewi Md Akim	Pembantu Perpustakaan, S17
Norhafizah Hamdan	Pembantu Tadbir (P/O), N17

Jadual 4 :  
Penerima Anugerah Cemerlang 2012

Nama	Jawatan / Gred
Kamariah Nar Mohd Desa	Ketua Pustakawan, VU07
Abdul Aziz Kamal	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Alias Ahmad	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Rodzuan Mohd Yusoff	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Mohamed Nordin Mohamad Nor	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Mohd Hanaffi Mohd Noor	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Mohd Yunus Wahab	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Nor'Aliah Mohd Nasirudin	Pembantu Perpustakaan Kanan, S22
Hairudin Karim	Pembantu Pemuliharaan, S17
Zaiton Ibrahim	Pembantu Pemuliharaan, S17

Jadual 5 :  
Penerima Anugerah Jasa Setia 2012



## Kunjungan Pengurusan Atasan UTM ke Perpustakaan

Naib Canselor UTM, Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang bersama beberapa pegawai atasan UTM telah melakukan satu lawatan ke Perpustakaan pada 6 Julai 2012 dalam siri lawatan berbasikal beliau ke sekitar kampus UTM. Beliau telah turun padang untuk melihat perkembangan dan sebarang permasalahan yang dihadapi oleh Perpustakaan. Dalam lawatan tersebut, beliau sempat beramah mesra dengan beberapa pengguna perpustakaan dan mendengar sendiri pandangan dan maklumbalas mereka terhadap perkhidmatan perpustakaan khususnya dan UTM amnya.





## Aktiviti Sukan, Kebajikan dan Sosial

Pada tahun 2012, Perpustakaan meneruskan tradisi dalam memberikan perkhidmatan terbaik dalam menjaga kebajikan warga perpustakaan keseluruhannya. Perpustakaan berjaya melaksanakan program-program yang merangkumi bidang sukan, kebajikan, sosial, pendidikan dan keagamaan. Melalui Kelab Keluarga Perpustakaan, staf juga menunjukkan kecemerlangan dalam setiap aktiviti dan program yang dianjurkan.

Penglibatan staf Perpustakaan dapat dilihat antaranya dalam Sukan Staf Antara Universiti 2012 yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah pada Julai 2012. Selain itu, dalam UTM Staff Games 2012 yang bermula pada 14 Mei hingga 10 Jun 2012, Perpustakaan telah menyertai 11 acara iaitu bola sepak senior (suku akhir), badminton, bola tampar lelaki (suku akhir), futsal (suku akhir), karom, dart (suku akhir), sepaktakraw, catur (tempat ke-5) dan lawn bowl (johan).


Syabas dan tahniah di atas komitmen dan penglibatan semua staf dalam menjayakan aktiviti sukan yang diadakan oleh perpustakaan.



Dari segi pendidikan kerohanian pula, kelas membudayakan Al-Quran diadakan pada setiap pagi Khamis. Kelas dikendalikan oleh Ustaz Elyeen Amineen Mohd Salleh dari Pusat Islam UTM. Manakala dari masa ke semasa, ceramah keagamaan turut diadakan sebagai medan perkongsian maklumat dan ilmu bermanfaat kepada seluruh warga Perpustakaan.

Menerusi aktiviti sosialnya pula, Perpustakaan turut mengadakan majlis sambutan Hari Raya dan Hari Keluarga Perpustakaan bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim sesama staf dan berkongsi pengalaman untuk meningkatkan kecemerlangan.





# Inisiatif Fokus Pelanggan





## Penyerahan Bangunan Baru Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

Pada 5hb Julai 2012, satu majlis penyerahan kunci bangunan baru Perpustakaan Raja Zarith Sofiah telah berlangsung di bangunan tersebut di UTM Johor Bahru. Majlis penyerahan bangunan bermula pada jam 2.00 petang dengan ketibaan Yang Berbahagia Prof. Dr Wahid Omar, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM. Penyerahan plak berupa kunci telah diterima oleh Pn. Noraziah Sharuddin selaku wakil Ketua Pustakawan. Dengan kewujudan bangunan baru perpustakaan ini, ia dapat meletakkan Perpustakaan UTM sebagai sebuah perpustakaan yang mempunyai kemudahan dan perkhidmatan yang baik agar dapat menyumbang kepada kecemerlangan pendidikan UTM secara menyeluruh.



## Perpindahan Perpustakaan ke Menara Razak


Proses pemindahan Perpustakaan Razak School UTM Kuala Lumpur dari Bangunan Yayasan Selangor di Kampung Baru ke Bangunan HEAMC, Menara Razak UTM Kuala Lumpur telah mengambil masa lebih kurang 3 minggu dari 19 Oktober 2012. Perpindahan melibatkan 8,000 naskah bahan serta perabot yang lain. Kesemua bahan telah berjaya dinaikkan ke rak pada 8 November 2012 dengan penglibatan staf Perpustakaan Sekolah Razak, Pejabat Harta Bina serta bantuan staf dari Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.





## Pengunjung Perpustakaan


Pada tahun 2012, jumlah keseluruhan pengunjung ke Perpustakaan ialah 1,406,868 orang, iaitu peningkatan sebanyak 1.03% jika dibandingkan sejumlah 1,392,447 pada tahun 2011. Manakala sejumlah 1,051,977 kunjungan ke portal perpustakaan telah berjaya dicapai.






## Pinjaman dan Penggunaan Bahan

Pada tahun 2012, sejumlah 259, 206 pinjaman telah dicapai dan ini menunjukkan peningkatan berbanding hanya 250, 647 pinjaman pada 2011. Secara keseluruhan, peningkatan jumlah pinjaman dan pengunjung perpustakaan ini menunjukkan bahawa keperluan kepada Perpustakaan amatlah penting dalam membantu proses pendidikan sepanjang hayat.



Rajah 6: Prestasi Pinjaman dan Pengunjung Perpustakaan


Rajah 7 menunjukkan jumlah pinjaman dan penggunaan bahan perpustakaan mengikut kategori ahli. Berdasarkan rajah, didapati pelajar ijazah/diploma merupakan ahli yang paling banyak meminjam iaitu seramai 143,117 orang diikuti oleh pelajar sarjana/PhD seramai 91,842 orang. Sementara itu seramai 14,689 orang pula adalah terdiri dari staf akademik/tutor, staf bukan akademik seramai 9,058 dan kategori lain seramai 500 orang.



Rajah 7: Pinjaman dan Penggunaan Bahan Perpustakaan Mengikut Kategori Ahli




## Interlibrary Loan (ILL)



Rajah 8: Permohonan Interlibrary Loan Mengikut Kategori Pemohon

Berdasarkan Rajah 8, kategori pelajar peringkat pasca ijazah adalah yang paling banyak membuat permohonan ILL iaitu 715, diikuti staf akademik sebanyak 76, staf sebanyak 78 dan pelajar sarjana muda sebanyak 38. Sementara itu, jumlah keseluruhan permohonan ILL bagi tahun 2012 adalah sebanyak 907 permohonan berbanding sebanyak 950 pada tahun 2011.




Rajah 9: Jumlah Keseluruhan Permohonan Interlibrary Loan 2012



## Perkhidmatan Runding Rujuk

Perkhidmatan Runding Rujuk bagi tahun 2012 menunjukkan keseimbangan di mana terdapat beberapa peningkatan kepada permohonan bagi kategori perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Perpustakaan. Berdasarkan Rajah 10, sebanyak 6674 khidmat perundingan yang telah dikendalikan oleh perpustakaan, 29 permohonan bahan rujukan, 36 permohonan rujukan luar telah diterima dan sebanyak 802 permohonan bagi mendapatkan bahan perpustakaan diproses sepanjang tahun 2012.



Rajah 10: Perkhidmatan Runding Rujuk Bagi Tahun 2012





## Perjumpaan Bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPM)


Dengan matlamat untuk berkongsi maklumat serta mendapat maklumbalas mengenai perkhidmatan perpustakaan, sesi perjumpaan bersama Majlis Perwakilan Mahasiswa (MPM) dan wakil pelajar antarabangsa UTM telah diadakan.


Sesi bersama wakil pelajar antarabangsa telah diadakan pada 21 November 2012 di Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru.



## Lawatan Akademik

Pada 2012, Perpustakaan telah menerima sebanyak 51 lawatan akademik daripada individu, institusi pengajian tinggi, organisasi serta sekolah dari dalam dan luar negeri berbanding tahun 2011 iaitu sebanyak 77 lawatan, iaitu penurunan sebanyak 33.8% dari tahun sebelumnya. Manakala jumlah pelawat pula melibatkan seramai 2464 orang berbanding 3739 orang pada tahun sebelumnya iaitu penurunan sebanyak 34.1%. Antara matlamat lawatan ini adalah bagi tujuan penandaarasan atau ‘benchmarking’, audit, akreditasi serta promosi yang dilakukan khususnya oleh Unit Pemasaran Universiti untuk menarik minat pelajar sekolah tempatan dan luar negeri menyertai UTM.






# Sokongan Penyelidikan dan Pendidikan Pengguna





## Akses Kepada Pangkalan Data Atas Talian Langganan UTM

Jumlah penggunaan atau akses pangkalan data atas talian langganan UTM sepanjang tahun 2012 adalah sebanyak 7,647,887 berbanding 4,980,684 pada tahun 2011. Sebanyak 3,552,594 akses downloads, views (2,024,977) dan searches sebanyak 4,095,293 dicatatkan pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak 195.8% dari tahun sebelumnya.



Rajah 12: Akses Pangkalan Data Atas Talian Langganan 2012




## Kemahiran Maklumat


Sepanjang tahun 2012, sebanyak 166 Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat telah dikendalikan, berbanding 190 kelas pada tahun 2011. Jumlah pelajar yang mengikuti kelas pula adalah seramai 3552 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda berbanding tahun sebelumnya seramai 4566 orang.

Kelas Kemahiran Perpustakaan Asas iaitu ULAB 1112: *English for Academic Communication* telah diadakan dengan kerjasama pihak Akademi Bahasa. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 90 kelas telah dikendalikan berbanding 91 pada tahun 2011. Jumlah pelajar yang menghadiri kelas pula adalah seramai 2356 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 2644 orang pelajar. Manakala Kelas Kemahiran Perpustakaan Lanjutan pula melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda yang akan memulakan Projek Sarjana Muda. Sepanjang tahun 2012, sebanyak 73 kelas telah dikendalikan berbanding 95 kelas pada tahun 2011. Jumlah pelajar yang menyertai kelas adalah seramai 1156 orang pelajar berbanding 1859 orang pelajar pada tahun sebelumnya. Antara Fakulti yang aktif menghantar pelajar bagi mengikuti kelas yang dijalankan adalah dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Pendidikan, Fakulti Alam Bina serta Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah.


Sementara itu, kelas UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat diadakan dengan kerjasama Pusat Kursus Umum dan Kokurikulum yang melibatkan pelajar Ijazah Sarjana Muda. Bagi tahun 2012, promosi mengenai kelas kemahiran perpustakaan giat dijalankan untuk menarik lebih ramai lagi pelajar mengikuti Kelas Kemahiran Pencarian Maklumat terutamanya Kelas Kemahiran Lanjutan dan UKQD 1211: Kemahiran Pencarian Maklumat.



Rajah 13:  
Kelas Kemahiran Asas Bagi Tahun 2012



Rajah 14:  
Kelas Kemahiran Lanjutan Bagi Tahun 2012




Rajah 15:  
Kelas UKQD1211: Asas Kemahiran  
Pencarian Maklumat



## Kaedah Penyelidikan

Perpustakaan mengadakan beberapa siri Bengkel Kaedah Penyelidikan sepanjang tahun 2012. Bengkel ini khusus kepada pelajar pasca siswazah dan penyelidik yang inginkan maklumat berkaitan dengan penyelidikan mereka. Bengkel dikendalikan oleh pustakawan profesional dengan bimbingan secara amali dan teori serta praktikal.

Pada tahun 2012, prestasi untuk Bengkel Kaedah Penyelidikan bagi sesi Januari hingga Jun ialah sebanyak 97.7% berbanding pencapaian sesi Januari hingga Jun tahun 2011 iaitu sebanyak 72.1%. Manakala pencapaian bagi sesi September hingga Disember 2012 pula adalah sebanyak 96.3% berbanding 67.3% pada tahun 2011.



Rajah 16: Pendidikan Pengguna, Bengkel, Latihan dan Taklimat 2012



## Taklimat, Latihan dan Demo Pangkalan Data

Beberapa siri taklimat dan demo pangkalan data juga telah dijalankan sepanjang tahun 2012. Ini meliputi latihan Scival, Demo Datastream, Demo Britannica, Latihan Lexis Nexis, Latihan BLIS, Demo Knovel Database, Latihan SciFender, MSI Eureka, Springer Materials & Cindas LLC.



## Sesi Bertemu Pelanggan di Fakulti



Perpustakaan telah mengadakan promosi sesi bertemu pelanggan ke Fakulti Alam Bina, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah dan Fakulti Sains sepanjang tahun 2012 dan telah menerima sambutan menggalakkan daripada warga kerja dan pelajar fakulti berkenaan.



## Perpustakaan Fakulti dan IBD

Berbagai usaha telah dijalankan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan memastikan kepuasan pengguna berada di tahap yang tinggi. Perpustakaan ini bertujuan memberi perkhidmatan khusus kepada pelanggan di Fakulti, perkhidmatan secara konsisten akan membolehkan perpustakaan berfungsi meningkatkan koleksi perpustakaan di samping meningkatkan mutu penyelidikan dan pembelajaran yang berterusan.






## Maklumat Penulisan, Citations dan Jurnal Berimpak Tinggi UTM

Penerbitan bagi jurnal terindeks UTM bagi tahun 2012 meningkat kepada 1,533 judul berbanding 1,243 judul pada tahun 2011. Faktor impak UTM bagi jurnal terindeks juga meningkat kepada 1,218.819 (2012) berbanding 807.497 (2011). Citation UTM pada tahun 2012 pula ialah sebanyak 4,652 berbanding 5,552 pada tahun 2011.

Penerbitan bagi lain-lain jurnal yang tidak terindeks UTM ialah 720 judul (2012) berbanding 273 judul (2011).

Penerbitan bab dalam buku UTM pada tahun 2012 ialah 124 judul berbanding 123 judul pada tahun 2011.

Manakala lain-lain penerbitan umum UTM juga meningkat kepada 1,306 judul (2012) berbanding 725 judul pada tahun 2011.




Rajah 17: Maklumat Penulisan, Citations dan Jurnal Berimpak Tinggi UTM




## Dokumentasi Penerbitan Penyelidikan UTM

Bagi menyokong pengumpulan data bagi dokumentasi penerbitan UTM, Perpustakaan giat menjalankan pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2012 seperti berikut:

- Semakan faktor impak berkala bagi penerbitan staf UTM
- Pengumpulan artikel yang mempunyai faktor impak untuk koleksi Perpustakaan
- Menyemak Faktor Impak staf akademik mengikut permintaan
- Mengumpul judul jurnal berimpak tinggi untuk panduan bagi penerbitan mengikut bidang.





# Pemupukan Budaya Ilmu






## Program Keilmuan

Sepanjang 2012, pelbagai program pemupukan budaya ilmu dilaksanakan untuk seluruh warga UTM. Antara program yang telah dijalankan ialah:

- Bicara Karya : "The Extreme Future: the top trends that will reshape the world in the next 20 years" oleh Prof. Ir. Dr. Mohd. Azraai Kassim
- Bicara Karya : "How will you measure your life" oleh Prof. Ir. Dr. Wahid Omar
- K-Sharing : Tazkiratul-Auliya: 62 orang wali Allah oleh Puan Junainah Jukee
- K-Sharing : Menjejaki Kem Induk Everest oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Salleh Mohd Nor
- Pertandingan Menulis Esei Bahasa Inggeris sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan Tahun 2012
- Bicara Karya : "Pemikiran dan pembinaan tamadun: transformasi modal insan ke arah negara maju" oleh Prof. Dr. Muhammad Zainiy Uthman dari CASIS UTM Kuala Lumpur





# Khidmat Komuniti dan Perhubungan Korporat





## Pembangunan Petunjuk Prestasi Perpustakaan IPT Malaysia

Ketua Pustakawan UTM telah dilantik sebagai Pengurus 'Special Interest Group bagi Key Performance Indicators' (SIG KPI) PERPUN iaitu Persidangan Pustakawan Universiti dan Negara (PERPUN) yang dianggotai oleh lebih 23 buah Perpustakaan Universiti Awam dan Perpustakaan GLC Malaysia. Melalui SIG KPI ini, inisiatif melaksana dan menggunakan BS ISO 11620:2008 telah bermula pada tahun 2011.

Ketua Pustakawan UTM telah membentangkan Key Performance Indicators Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia di *Innovation Management Workshop* anjuran *International Association of Scientific and Technological University Libraries (IATUL)* pada 8 hingga 9 November 2012 di Bangkok, Thailand. Selain itu, beberapa mesyuarat, bengkel dan persidangan peringkat antarabangsa iaitu *Conference on Key Performance Indicators for Libraries (CKPI 2011)* telah dianjurkan oleh UTM. Susulan dari itu, kumpulan ini telah bersetuju menerima maklumat 44 daripada 45 Performance Indicators (Pls) berdasarkan BS11620: 2008 tersebut. Pengumpulan data asas dijangka siap pada pertengahan tahun 2013. Perpustakaan UTM telah menggunakan 4 elemen utama dalam BS 11620: 2008 bagi mengukur prestasi staf bukan akademik. Skop prestasi yang akan diukur meliputi kos, ruang, efisien dan kepuasan pelanggan. Melalui garispanduan dan kaedah yang terdapat dalam BS ISO 11620: 2008, ia telah memudahkan pihak Perpustakaan UTM untuk mengadaptasi dan menjajarkan keperluan KPI untuk staf bukan akademik UTM dengan lebih mudah dan cepat.



## Kerjasama Perpustakaan dengan PROTON Shah Alam

Perpustakaan UTM dan pihak PROTON Berhad di Shah Alam telah menjalin kerjasama dalam usaha untuk menggerakkan perpustakaan sebagai sebuah unit yang penting dalam sesebuah organisasi. Pelbagai aktiviti dirancang oleh PROTON dan Perpustakaan untuk menarik staf PROTON menggunakan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan. Sebagai Ahli Korporat Perpustakaan, PROTON telah mengambil inisiatif menubuhkan "Knowledge Base Station", pembelian bahan baru untuk koleksi perpustakaan dan melantik pustakawan dari Perpustakaan UTM untuk memberi khidmat nasihat berkaitan pembangunan perpustakaan.





## Literasi Maklumat dengan Kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Johor

Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM Johor Bahru dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor telah mengadakan Program Literasi Maklumat bagi guru perpustakaan dan media bagi seluruh Johor. Bengkel berkenaan telah diadakan pada 5 Julai 2013 bertempat di Dewan Senat, UTM Johor Bahru dan Perpustakaan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran strategi pencarian maklumat dari perpustakaan.

Sepanjang bengkel diadakan, para peserta didedahkan kepada kaedah asas pencarian maklumat, pangkalan data atas talian, sumber rujukan, strategi kaedah penyelidikan perpustakaan dan lain-lain. Di samping taklimat, guru-guru turut membuat latihan amali pencarian maklumat perpustakaan. Bengkel berkenaan telah disertai oleh lebih kurang 120 orang guru serta staf perpustakaan telah berjaya menjadi platform terbaik kepada Perpustakaan untuk mempromosikan segala perkhidmatan yang ditawarkan di samping kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan pendidik demi kepentingan pendidikan sepanjang hayat.






## Kajian Kepuasan Pelanggan

Kajian Kepuasan Pelanggan Perpustakaan bagi tahun 2012 telah diadakan sebagai satu kaedah bagi memberi petunjuk tahap kepuasan pelanggan serta untuk mengenal pasti faktor yang perlu diberi perhatian dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan kepada pengguna perpustakaan. Soal selidik adalah berdasarkan elemen BS 11620: 2008 dan telah diedarkan kepada para pengguna perpustakaan secara ‘online’ dan juga bercetak.

Hasil dari kajian yang dijalankan didapati pencapaian indeks Kajian Kepuasan Pelanggan pada tahun 2012 menunjukkan pencapaian yang memuaskan sebanyak 72.82%. Walaubagaimana pun, antara ketidakpuasan yang telah dikenalpasti adalah meliputi kemudahan Wifi, kemudahan komputer serta perkhidmatan *interlibrary loan* yang disediakan. Justeru, Perpustakaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menangani aspek-aspek tersebut untuk memastikan perkhidmatan yang lebih baik serta prasarana fizikal serta kemudahan dan perkhidmatannya agar terus berdaya saing dan relevan dengan arena pendidikan masa kini.



Rajah 20: Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Kategori Pengguna Bagi Tahun 2012





## Khidmat Masyarakat

Sepanjang tahun 2012, pelbagai aktiviti khidmat masyarakat dijalankan oleh perpustakaan bagi memenuhi tanggungjawab sosial korporatnya. Antara program yang telah dijalankan sepanjang tahun ialah:

1. Program Ziarah Ukhuwah dan Motivasi bersama Anak-anak Yatim Pontian Johor
2. Program Khidmat Masyarakat Rumah Warga Emas Nur Ehsan Johor
3. Kempen Derma Darah
4. Program Khidmat Komuniti Perpustakaan Kuala Lumpur dengan kerjasama Unit Ko-Kurikulum dibawah teras Budi Penyayang bersama An-Najjah (NGO) (Pusat Jagaan Anak Yatim/ Saudara Baru) pada 21 Julai 2012 melibatkan aktiviti penyampaian keperluan makanan sempena sambutan bulan Ramadhan.





## Global Outreach Programme

Global Outreach Programme (GOP) Perpustakaan ke Perth, Australia telah diadakan dari 5 hingga 13 Februari 2012. Kumpulan ini terdiri dari 13 orang staf perpustakaan termasuk beberapa orang staf UTM yang lain. Antara tempat yang telah dilawati ialah Murdoch University, University of Western Australia, University of Curtin dan Berndt Museum of Anthropology.

Objektif utama lawatan ini ialah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan melalui perkongsian pengalaman dan maklumat melalui lawatan. Ia juga bagi menjana idea dan memberi pengalaman baru kepada staf mengenai perkhidmatan perpustakaan yang disediakan oleh universiti yang dilawati, membina jaringan dan hubungan antarabangsa serta mewujudkan peluang kerjasama antara perpustakaan. Di samping itu, lawatan penandaaras ini juga adalah khusus untuk meninjau inisiatif University of Western Australia dalam memelihara dan memulihara khazanah Universiti sebagai warisan bangsa Australia untuk generasi akan datang.



## Perkongsian Maklumat PERPUN

Perpustakaan UTM turut terlibat dengan memberikan kerjasama yang baik dalam projek Perkongsian Maklumat PERPUN. Projek ini merupakan kerjasama antara perpustakaan IPTA di Malaysia untuk berkongsi maklumat bibliografi antara perpustakaan melalui penghantaran rekod bibliografi secara berkala pada tahun 2012 untuk dimuatnaik ke portal berikut:

- Katalog Induk PERPUN - UUM : 542, 636 rekod
- Katalog Induk Kebangsaan – PNM : 422,416 rekod
- Malaysian Union List of Serials IPTA/IPTS (MyULIS): 571 rekod
- Malaysian Theses Online (MyTO) : 4822 rekod

The image displays three screenshots of online databases. On the left, the MYTO (Malaysian Theses Online) homepage is shown, featuring the MYTO logo and a brief description of what it is. In the center, a screenshot of the SABULOG INDUK PERPUNKUAN (Catalogue Induk Perpustakaan Nasional) website is displayed, showing a search interface. On the right, the MyULIS (Malaysian Union List of Serials IPTA/IPTS) homepage is shown, featuring the MyULIS logo and a brief description of its function.

## Pameran

Sepanjang tahun 2012, Perpustakaan telah berjaya menganjur dan menyelaraskan beberapa pameran di peringkat UTM dan perpustakaan mengikut perancangan. Antara pameran yang telah diadakan ialah:

1. Pejuang Melayu ' Degil '
2. Journey to the World Program
3. Pameran Diraja - Raja Zarith Sofiah
4. The Horse : Nature's most magnificent creature
5. " Perpustakaan Sultanah Zanariah@ UTM Library through the years "
6. Membina Bangsa dengan Patriotisme
7. Mini Exhibition " Financial Literacy "
8. Let Us Talk About Nature
9. Pengalaman Misi Perdana UTM Everest
10. Pameran Seni Khat
11. Pameran bahan sumbangan dari JACTIM di Majlis Pelancaran MJIIT





## Hari Bertemu Pelanggan Universiti

Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Universiti telah berlangsung pada 12 hingga 14 Disember 2012 di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru. Ia telah menjadi medan mempromosi perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga UTM.


Antara promosi yang dijalankan sepanjang tiga hari program berlangsung ialah pengecualian denda buku lewat dipulang, peminjaman dan pemulangan buku, khidmat runding rujuk bagi pangkalan data, pesanan bahan, pendaftaran keahlian baru, sumbangan buku untuk UTM Reading Stations dan cadangan penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan.





## Ruang Khas CASIS di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur

Satu ruang khas telah diwujudkan untuk koleksi bahan hadiah dari Pusat Kecemerlangan iaitu Centre for Advanced Studies on Islam and Civilisation (CASIC) di Aras 2 Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Koleksi di sini terdiri daripada bahan hadiah dari CASIS seperti buku dan tesis. Pihak Perpustakaan UTM Kuala Lumpur telah bekerjasama dengan CASIS dibantu oleh Pejabat Harta Bina, UTM untuk menaiktaraf ruang tersebut.






## Aplikasi Android Menerusi MyLIP

Pada 18 Disember 2012, Perpustakaan UTM telah melancarkan MyLIP atau *My Library in Pocket* yang menggunakan aplikasi telefon pintar untuk Android. Majlis pelancaran telah dirasmikan oleh Pro Canselor, Tan Sri Dr Salleh Mohd. Noor.

MyLIP membolehkan akses kepada perkhidmatan utama perpustakaan melalui telefon pintar dengan aplikasi Android. MyLIP ini telah dibangunkan oleh Encik Razib Karno, Pustakawan Kanan, Perpustakaan UTM Johor Bahru.

Dengan telefon pintar menjadi penting dalam kehidupan seharian masyarakat, inisiatif ini membuka saluran baru untuk perpustakaan mendekati penggunanya seiring dengan perkembangan teknologi masa kini.





## EASY (Shelf Search System)

EASY adalah satu sistem teknik inovatif yang dibangunkan oleh Kumpulan KIK Perpustakaan dengan objektif untuk memberi kemudahan langkah demi langkah kaedah pencarian maklumat buku terutamanya melalui pendekatan nombor panggilan bahan terus ke lokasi di rak. Pengguna hanya perlu menggunakan katalog perpustakaan di portal perpustakaan untuk mengakses sistem ini.






## Pembangunan dan Penyelarasan Portal Perpustakaan

Sebanyak lapan (8) portal baru telah dibangunkan untuk keperluan perpustakaan sepanjang tahun 2012 termasuk pengawasan dan penyelarasan laman sosial Perpustakaan. Antaranya ialah:

1. Portal UTM Examination Paper: <http://portal.psz.utm.my/epaper>
2. Portal JKTS Perpustakaan: <http://portal.psz.utm.my/jkts>
3. Portal Mesyuarat Perpustakaan : <http://mesyuarat.utm.my/mesyuarat>
4. Portal Perunding Sokongan
5. Portal Projek 5S: <http://portal.psz.utm.my/5s>
6. Portal Standard People Practice PSZ (SPP) : <http://portal.psz.utm.my/spp>
7. Laman Media Sosial -Blog Perpustakaan - <http://portal.psz.utm.my/blog>






# Pengukuhan Koleksi





## Peruntukan Pembelian Sumber Perpustakaan

Bagi perolehan sumber perpustakaan pada tahun 2012, Perpustakaan telah menerima peruntukan sebanyak RM15 juta berbanding sejumlah RM16.3 juta pada tahun sebelumnya. Dari jumlah tersebut sebanyak RM12 juta adalah peruntukan bagi pembelian jurnal dan media elektronik serta selebihnya bagi pembelian buku dan bahan pandang dengar. Untuk kemudahan penggunaanya, pangkalan data elektronik (majalah dan buku) termasuk pangkalan data berkelompok (aggregated databases) terus dilanggan oleh Perpustakaan pada tahun 2012. Melalui peruntukan yang diterima juga, Perpustakaan UTM telah berupaya menambahkan stok bahan ilmiah baru bagi bahan bercetak.




Rajah 21:  
Peruntukan Pembelian Sumber  
Perpustakaan 2012

Rajah 22:  
Peruntukan Keseluruhan  
Perpustakaan 2012



Rajah 23:  
Stok Perpustakaan 2012




Rajah 24:  
Stok Monograf 2012



## Jurnal dan Bahan Media Elektronik

Berdasarkan Rajah 25, pembelian tesis elektronik adalah yang paling banyak iaitu 2,004,917 berbanding bahan media elektronik yang lain. Ini diikuti oleh jurnal elektronik berjumlah 557,120, E-Standard sebanyak 186,629 dan buku elektronik sebanyak 106,234. Secara keseluruhan, pembelian jurnal dan bahan media elektronik ternyata meningkat dari masa ke semasa.



Rajah 25: Peruntukan Pembelian Jurnal dan Bahan Media Elektronik




## Koleksi Canselor UTM

Perpustakaan telah menerima sejumlah 3000 nashkah (monograf dan bahan media) sumbangan koleksi peribadi dari Canselor UTM, Yang Mulia Raja Zarith Sofiah pada 3 Julai 2012 dari pihak Canseleri UTM. Rentetan dari itu, Perpustakaan telah mewujudkan koleksi Canselor yang akan ditempatkan di ruang khas di bangunan Perpustakaan Raja Zarith Sofiah (PRZS).

Bil	Kategori Bahan	Jumlah (Judul)
1	Hadiyah	2,338
2	Hadiyah (Kanak-kanak)	140
3	Koleksi Khas	36
4	Terbitan UTM	13
5	Media	21
6	Jurnal	59
Jumlah Keseluruhan		2,607



Jadual 6 :  
Jumlah Keseluruhan Koleksi Canselor UTM



# Pengurusan Teknologi





## Instalasi Server Baru (DMS)


Sepanjang April hingga Disember 2012, proses instalasi dan pembangunan Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) baru telah mula dilaksanakan. Sistem baru ini yang beroperasi di atas sistem pengoperasian Linux adalah bertujuan untuk menggantikan Sistem Pengurusan Dokumen (DMS) sediada (Hummingbird) yang tidak lagi dapat menampung keperluan semasa Perpustakaan disebabkan penggunaan teknologi lama yang telah luput (obsolete) (2001 – 2011).



## SirsiDynix Enterprise Portal

Sepanjang Mei hingga Disember 2012, proses instalasi sistem portal baru perpustakaan iaitu SirsiDynix Enterprise Portal versi 4.2.1 telah mula dilaksanakan. Portal ini bercirikan one stop searching bagi proses pencarian bahan koleksi Perpustakaan yang lebih dinamik dan user-friendly serta menawarkan akses mudah ke portal kepada pengguna Perpustakaan melalui ciri mobile-friendly technology.





# Cabaran 2013



## Cabaran

Sekian lama, sokongan melalui perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan telah mendasari teras sistem pengajian di Universiti Teknologi Malaysia. Perkhidmatan dan kemudahan ini telah mendokongi pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan penerbitan dalam pelbagai bidang meliputi sains dan teknologi, kejuruteraan, pengurusan, pendidikan, dan komunikasi maklumat dan teknologi. Perpustakaan telah melalui evolusi pembangunan dan penambahbaikan yang seiring dengan keperluan pembangunan pendidikan negara. Hala tuju serta agenda transformasi perpustakaan merupakan suatu rencana perpustakaan bagi mengharungi fenomena globalisasi dan tuntutan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi yang berteraskan inovasi dan kreativiti. Justeru, cabaran mendatang yang akan dihadapi ditempuh oleh Perpustakaan memerlukan pembudayaan organisasi berteraskan kualiti dan berprestasi tinggi dengan melaksanakan inisiatif transformasi pendidikan dan sokongan penyelidikan demi kelestarian daya saing negara.



## Maklumat dan Arkib UTM

Koleksi dengan nilai sejarah dan rekod UTM yang dikenali sebagai Koleksi Khas Perpustakaan merupakan naskhah asal dan disimpan bagi memperkayakan maklumat arkib di UTM. Bagi tahun 2013, kegiatan mengumpul maklumat dan arkib UTM akan dipergiatkan lagi selaras dengan perancangan pembangunan koleksi ini.


## Sokongan Penyelidikan

Perkhidmatan berfokus penyelidikan akan sentiasa dimantapkan. Program pendidikan pengguna dan bimbingan kemahiran pencarian maklumat Perpustakaan, pangkalan data langganan perpustakaan serta khusus (Endnotes, Turnitin dan lain-lain) akan terus dijalankan untuk memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di UTM. Selain itu, Perpustakaan akan terus merealisasikan pengumpulan data penerbitan dan impak faktor dan pelaporan kepada pengurusan tinggi UTM mengenai penerbitan UTM akan dilaksanakan secara lebih giat lagi.



## Perhubungan dan Operasi

Fungsi utama perpustakaan adalah menyediakan ruang fizikal dan infrastruktur yang selesa kepada semua pengguna. Antaranya ialah dengan pembukaan Perpustakaan Raja Zarif Sofiah, 10 perpustakaan Fakulti, 65 UTM Reading Stations dan sebuah Pusat Kecemerlangan. Malah waktu perpustakaan yang panjang juga memberi kemudahan ruang belajar individu dan berkumpulan yang lebih selesa dengan kemudahan makmal, bilik seminar dan tayangan serta kemudahan Wifi, komputer dan sebagainya. Dengan adanya kemudahan ruang yang luas dan berbagai ini, perpustakaan perlu memastikan kapasiti ruang ini dipenuhi pada tahap maksimum.



## Keberkesanan Kos

Perpustakaan perlu memastikan Return of Investment (ROI) bagi kos yang dibelanjakan terutama bagi langganan pangkalan Data Atas Talian Termahal dapat digunakan sepenuhnya bagi memastikan ianya lebih berkesan dari segi kos.

Sementara itu, perpustakaan juga perlu memastikan buku yang terdapat dalam koleksinya adalah relevan dengan keperluan pengguna.



## Kepuasan Pelanggan

Kekuatan sesebuah organisasi adalah terletak pada keupayaan mengurus dan membangunkan modal insan dalam menghadapi cabaran dan perubahan dan perkembangan teknologi yang sentiasa berlaku terutamanya dalam perubahan teknologi masa kini.

Berasaskan kepada Kajian Kepuasan Pelanggan 2012, Perpustakaan akan meningkatkan beberapa kemudahan seperti Wifi dan komputer serta perkhidmatan *Interlibrary Loan*. Perpustakaan akan mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan perkhidmatan yang lebih baik serta prasarana fizikalnya dapat memenuhi keperluan pelanggan serta mencapai sasaran pada tahap 80%.



## Pembangunan Fizikal, Pengurusan Prasarana dan Green Initiatives

Perpustakaan sentiasa berusaha memantapkan pembangunan fizikal serta prasarana perpustakaan di samping menyediakan sumber maklumat yang manfaap dan terkini bagi memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan universiti. Koleksi perpustakaan yang terdiri daripada buku, jurnal bercetak dan elektronik serta bahan media perlu bertambah sejajar dengan perkembangan universiti.

Dengan adanya pembangunan baru di Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Perpustakaan yakin akan dapat menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang menepati citarasa penggunanya.

Di samping itu, Perpustakaan akan terus juga mengamalkan amalan-amalan murni seperti Green Office untuk persekitaran yang selesa kepada semua pengguna.

*Yang nyata, cabaran yang bakal dihadapi oleh Perpustakaan pada tahun 2013 pastinya menuntut perpustakaan untuk terus memacu aspirasi perkhidmatan dan kemudahannya ke arah matlamat yang telah ditetapkan demi kecemerlangan organisasi secara menyeluruh.*



**PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

[ent.library.utm.my](http://ent.library.utm.my)

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

81310 UTM JOHOR BAHRU, MALAYSIA

TEL : +607 553 3333 | FAX : +607 557 2555